

Voice of Academia

Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah



VoA
2022
Volume 18 Issue 2



COMMITTEE PAGE

VOICE OF ACADEMIA

Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah Branch

ADVISORY BOARD MEMBER

***PROFESSOR DR. MOHAMAD ABDULLAH HEMDI
ASSOCIATE PROFESSOR TS. DR. AZHARI MD HASHIM***

CHIEF EDITOR

DR. JUNAIDA ISMAIL

MANAGING EDITOR

MOHD NAZIR RABUN

EDITORIAL TEAM

***AISHAH MUSA
ETTY HARNIZA HARUN
KHAIRUL WANIS AHMAD
INTAN SYAHRIZA AZIZAN
SYAHRINI SHAWALLUDIN***

EDITORIAL BOARD

***PROFESSOR DR. DIANA KOPEVA
UNIVERSITY OF NATIONAL AND WORLD ECONOMY,
SOFIA, BULGARIA***

***PROFESSOR DR. KIYMET TUNCA CALIYURT
FACULTY OF ACCOUNTANCY, TRAKYA UNIVERSITY,
EDIRNE, TURKEY***

***PROFESSOR SIVAMURUGAN PANDIAN
SCHOOL OF SOCIAL SCIENCE, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA***

DR. SIMON JACKSON

***FACULTY OF HEALTH, ARTS AND DESIGN,
SWINBURNE UNIVERSITY OF TECHNOLOGY MELBOURNE, AUST***

PROFESSOR DR. M. NAUMAN FAROOQI
*FACULTY OF BUSINESS & SOCIAL SCIENCES,
MOUNT ALLISON UNIVERSITY, NEW BRUNSWICK, CANADA*

PROFESSOR MADYA DR. WAN ADIBAH
*FACULTY OF ACCOUNTANCY,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH, MALAYSIA*

DR. AZLYN AHMAD ZAWAWI
*FACULTY OF ADMINISTRATIVE SCIENCES & POLICY STUDIES,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH, MALAYSIA*

DR. AZYYATI ANUAR
*FACULTY OF BUSINESS MANAGEMENT,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH, MALAYSIA*

DR. NEESA AMEERA MOHAMMED SALIM
*COLLEGE OF CREATIVE ARTS,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH, MALAYSIA*

DR. MUHAMAD KHAIRUL ANUAR ZULKEPLI
*ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH, MALAYSIA*

DR ROSIDAH AHMAD
*FACULTY COMPUTER SCIENCE AND MATHEMATICS,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH, MALAYSIA*

CONTENT REVIEWER

PROF MADYA TS DR ASMADI MOHD GHAZALI,
FPM, UITM KEDAH

PROF MADYA DR NOOR ZAHIRAH MOHD SIDEK,
FPP, UITM KEDAH

DR ABD RAHMAN LATIF,
UMT

DR ANIDA MAHMOOD,
LAW, UITM SHAH ALAM

DR AZLYN AHMAD ZAWAWI,
FSPPP, UITM KEDAH

DR AZFAHANEE ZAKARIA,
FPP, UITM KEDAH

DR AZYYATI ANUAR,
FPP, UITM KEDAH

DR HAFIZAH HAMAAD AHMAD KHAN,
FPP, UITM KEDAH

DR JAMALUDDIN AKBAR,
FPP, UITM KEDAH

DR LAW KUAN KHENG,
FPP, UITM KEDAH

DR MAHADZIR ISMAIL,
FPP, UITM KEDAH

DR MOHD NASIR AYUB,
ACIS, UITM PAHANG

DR NORHIDAYAH ALI,
FPP, UITM KEDAH

DR NOR ZAINI ZAINAL ABIDIN,
FSPPP, UITM KEDAH

DR. NORAINI BINTI NOORDIN,
UITM PERLIS

DR NURSYAZWANIE MANSOR,
APB UITM KEDAH

DR NUR AIDA KIPLI,
FSPPP, UITM SARAWAK

DR RADZLIYANA RADZUWAN,
UITM NEGERI SEMBILAN

DR SITI SULIHA RAZALI,
USM, PULAU PINANG

DR. SITI FEIRUSZ AHMAD FESOL,
FSKM, MELAKA

DR. SITI MARIAM NORRULASHIKIN,
UTM, JOHOR

DR. S. KANAGESWARIA/P SUPPIAH SHANMUGAM,
UUM

**DR WAN MUHAMMAD HARIZ,
FA, UITM KEDAH**

**DR. YEAP CHUN KEAT,
APB, UITM MELAKA**

DR ZURAIDA MOHAMED ISA

LANGUAGE REVIEWER

**DR JUMANI FAUZI,
CENTER FOR MODERN LANGUAGE, UMP**

**DR. NURUL KAMALIA BINTI YUSUF,
APB, UITM SERI ISKANDAR**

**DR UNGKU KHAIRUNNISAN UNGKU MOHD NORDIN,
LANGUAGE ACADEMY UTM, JOHOR**

**DR WAN IRHAM ISHAK, SENIOR LECTURER,
APB, UITM KEDAH**

**EN AZRUL SHAHIMY MOH YUSOF,
APB, UITM KEDAH**

**EN AZLAN ABDUL RAHMAN,
APB, UITM KEDAH**

**PN AISHAH MUSA, SENIOR LECTURER,
APB, UITM KEDAH**

**PN BAWANI SELVARAJ,
APB, UITM KEDAH**

**PN HO CHUI CHUI, SENIOR LECTURER,
APB, UITM KEDAH**

**PN JUWAIRIAH OSMAN, LECTURER,
APB, UM**

**PN MAS AIDA, SENIOR LECTURER,
APB, UITM KEDAH**

**PN NOR ASLAH ADZMI, SENIOR LECTURER,
APB, UITM KEDAH**

**PN PHAVEENA PRIMSUWAN, SENIOR LECTURER,
APB, UITM KEDAH**

PN RAZANAWATI NORDIN, SENIOR LECTURER.
APB, UITM KEDAH

PN ROBEKHAH HARUN, SENIOR LECTURER,
APB, UITM KEDAH

PN SAMSIAH BIDIN, SENIOR LECTURER,
APB, UITM KEDAH

PN SHAFINAH MD SALLEH, SENIOR LECTURER,
APB, UITM KEDAH

MRS. ZARITH SOFIAH OTHMAN,
UITM DENGKIL

e-ISSN: 2682-7840



Copyright © 2022 by the Universiti Teknologi MARA Press

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

© Voice of Academia is jointly published by the Universiti Teknologi MARA Caawangan Kedah, Malaysia and Penerbit UiTM (UiTM Press), Universiti Teknologi MARA Malaysia, Shah Alam, Selangor.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

TABLE of CONTENTS

STRESSORS AND PSYCHOLOGICAL WELL-BEING AMONG STUDENTS IN A PUBLIC UNIVERSITY IN MALAYSIA Siti Rapidah Omar Ali ^{1*} , Nur Shafni Mohd Said ² , Khalid Amin Mat ³	1 - 16
THE LANGKAWI ISLAND MARKET POTENTIAL FOR EXTREME OUTDOOR SPORTS TOURISM Khor Poy Hua ¹ , Zul Arif Asrar Zulkefli ² , Lim Khong Chiu ³	17 - 30
THE INFLUENCE OF ORGANISATIONAL CULTURE TOWARDS EMPLOYEE PERFORMANCE AT THE UTILITIES SECTOR Nur Shafini Mohd Said ¹ , Raghadah Yusof ² , Siti Rapidah Omar Ali ³ , Khalid Amin Mat ⁴	31 - 40
RASUAH DAN INTEGRITI DALAM PENTADBIRAN AWAM DI MALAYSIA: SOROTAN LITERATUR Izawati Wook ¹ , Arif Fahmi Md Yusof ² , Hasnah Hj. Haron ³	41 - 58
STOCK RETURNS-BITCOIN NEXUS: EVIDENCE FROM PRE AND DURING COVID-19 OUTBREAK Bee-Hoong Tay*	59 - 69
FREE ONLINE CITATION GENERATORS: WHICH SHOULD UNDERGRADUATES USE WITH CONFIDENCE? Ho Chui Chui	70 - 92
THE EFFECTS OF TEAM COMPOSITION ON THE PERFORMANCE OF PUBLIC HEALTHCARE WORKERS IN MALAYSIA Azlyn Ahmad Zawawi ¹ , Aizzat Mohd. Nasurdin ²	93 - 105
CROSS-CULTURAL SERVICE MANAGEMENT FOR INTERNATIONAL MEDICAL STUDENTS IN CHINA: DEVELOPING A CONCEPTUAL FRAMEWORK Pengfei Qiu ¹ , Boo Ho Voon ² , Yusman Yacob ³ , Bin Shan ⁴	106 - 116
DEVELOPING A THEORETICAL FRAMEWORK OF CHINESE CULTURE OF EXCELLENCE FOR ECONOMIC INNOVATIONS Da An ¹ , Boo Ho Voon ^{2*} , & Wen Chiat Lee ³	117 - 127
CORRECTIVE FEEDBACK – ITS ROLE AND IMPACT IN ENHANCING LEARNERS' LANGUAGE PERFORMANCE Fazmawati Zakaria*, Surina Nayan ²	128 - 139
THE IMPORTANCE OF A GLOBAL MINDSET TO THE MALAYSIAN FOOD INDUSTRY SMEs Nurul Ulya Abdul Rahman ^{1*} , Norziani Dahalan@Omar ²	140 - 150
TAX COMPLIANCE MEASUREMENT AMONG TAXPAYERS OF UiTM KEDAH STAFF Daing Maruak bin Sadek ¹ , Azzyati binti Anuar ² , Muhammad Zulhilmi Shamsul ³ , Mas Aida binti Abd Rahim ⁴ , Noor Hidayah binti Kasim ⁵	151 - 163
ELEMEN FIZIKAL DAN SPIRITAL KISAH ASHABUL KAHFI: ANALISIS FIGURA RETORIKA Muhamad Khairel Anuar Zulkepli ^{1*} , Mohd Zulkhairi Abd Hamid ²	164 - 177
A REVIEW OF THE ENTREPRENEURIAL MINDSET Mohammad Noorizzuddin Nooh*	178 - 198

**ENTREPRENEURSHIP EDUCATION AND ENTREPRENEURIAL COMPETENCIES
AMONG UNIVERSITY STUDENTS**

Nurul Nadia Nazari, Shamsul Huda Abd Rani

199 - 209

**A STUDY ON THE CHINESE CHARACTERS LEARNING STRATEGIES AMONG
NON-CHINESE BEGINNER-LEVEL LEARNERS IN MALAYSIA'S PUBLIC
UNIVERSITY: A CASE STUDY OF UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM)
DURING MCO PERIOD AND THE IMPLEMENTATION OF ODL**

Tay Yang Lian¹, Chin Jing Ru², Lim Zu Ying³, Wan Faridatul Akma Wan Mohd Rashdi⁴

210 - 224

**THE ASSOCIATION BETWEEN STUDENTS' LEISURE ACTIVITIES ON WEEKENDS
DURING MOVEMENT CONTROL ORDER (MCO) AND DEMOGRAPHIC
CHARACTERISTICS**

Syafiza Saila Samsudin¹*, Noor Izyan Mohamad Adnan², Nik Muhammad Farhan Hakim Nik
Badrul Alam³, Siti Rosiah Mohamed⁴, Nazihah Ismail⁵

225 - 237

ELEMEN FIZIKAL DAN SPIRITAL KISAH ASHABUL KAHFI: ANALISIS FIGURA RETORIKA

Muhammad Khairul Anuar Zulkepli^{1*}, Mohd Zulkhairi Abd Hamid²

^{1,2}Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani

ARTICLE INFO

Article history:

Received: Feb 2022

Accepted: May 2022

Published: June 2022

Keywords:

Material, spiritual, retorik,
Ashabul Kahfi

Corresponding Author:

mkaz@uitm.edu.my

ABSTRACT

The story of ashabul kahfi is one of the extraordinary stories narrated in the Quran. The greatness of this story shows how the seven young men of al-Kahfi were put to sleep for 309 years. The story of this young man was produced through several scientific writings and so on, especially involving aspects of the Arabic language. However, the input from the Arabic study still lacks that can still be covered such as rhetorical techniques, physical and spiritual elements behind this story of ashabul kahfi. Therefore, this study intends to analyze and describe the physical and spiritual elements in the story through the rhetorical figures. This study mostly relies on qualitative approach using the Quran as the main source. The story of ashabul kahfi is identified through surah al-Kahfi in verses 9 to 26. Each verse is seen for its enlightenment and explanations related to interpretation. Next, it is followed with physical and spiritual aspects are discussed based on the discipline of Arabic rhetoric. It is found that there are physical and spiritual elements in the relevant verses which can be proved through nazm, isti'arah, al-taqdim wa al-takhir, al-insya 'al-talabi, al-tankir , istifham and the selection of words. In this regard, the elaboration of hysical and spiritual elements are physical perfection and faith in life, self - confidence in the truth, physical strength of worship ritual practices, strength of physical safety aspects and strength of quality of life can be translated into life together to be fulfilled.

Kisah ashabul kahfi merupakan salah satu daripada kisah-kisah luar biasa yang dinukilkan dalam al-Quran. Kehebatan kisah ini memperlihatkan bagaimana tujuh orang pemuda al-Kahfi yang ditidurkan selama 309 tahun. Kisah pemuda ini banyak dihasilkan menerusi beberapa tulisan secara ilmiah dan sebagainya, khususnya melibatkan aspek bahasa Arab.

Namun, input daripada pengkajian bahasa Arab tersebut masih wujud kekurangan yang masih boleh dilengkapkan aspek pengkajian tersebut seperti teknik retorik, elemen fizikal dan spiritual di sebalik kisah ashabul kahfi ini. Justeru, kajian ini bertujuan menganalisis dan menghuraikan elemen fizikal dan spiritual yang tersirat dalam kisah tersebut menerusi figura retorika. Kajian ini kajian kualitatif berbentuk tekstual dengan menjadikan al-Quran sumber premier kajian. Kisah ashabul kahfi ini dikenalpasti menerusi surah al-Kahfi dalam ayat 9 hingga 26. Setiap ayat itu dilihat pencerahannya dan kupasan berkaitan menerusi tafsir. Seterusnya, aspek fizikal dan spiritual yang tersirat dibincangkan berteraskan disiplin ilmu retorik Arab. Hasil analisis mendapati terdapat elemen fizikal dan spiritual dalam ayat-ayat yang bersangkut paut dan ia dapat dibuktikan menerusi figura retorika seperti nazm, isti'arah, al-taqdim wa al-ta'khir, al-insya' al-talabi, al-tankir, istifham dan pemilihan perkataan. Kupasan terhadap elemen fizikal dan spiritual yang terhasil ialah kesempurnaan fizikal dan iman dalam kehidupan, keyakinan diri dalam kebenaran, kekuatan fizikal terhadap amalan ritual ibadah, kekuatan aspek keselamatan fizikal dan kekuatan kualiti kehidupan dapat diterjemahkan dalam kehidupan bersama untuk dihayati.

©2022 UiTM Press. All rights reserved.

1. Pengenalan

Kisah ashabul kahfi ialah satu daripada kisah-kisah termaktub dalam kitab suci al-Quran yang menjadi perlumbagaan kehidupan muslim. Kisah ini mengisahkan tujuh orang pemuda beriman yang melarikan diri dan bersembunyi di sebuah gua demi menyelamatkan akidah mereka. Kisah ini dapat diamati secara halus dalam al-Quran menerusi surah al-Kahfi bermula ayat 9 hingga 26 yang mengisahkan keadaan mereka ditidurkan selama 309 tahun dalam gua. Hakikatnya, peristiwa ini diklasifikasikan sebagai peristiwa ajaib yang membuktikan kebesaran dan kekuasaan Allah tentang kehidupan serta kematian yang dibangkitkan semula. Justeru, peristiwa keramat ini telah membuktikan bahawa mereka yang benar-benar beriman dan mempertahankan akidah akan dipelihara oleh-Nya dalam apa juar keadaan sekalipun. Seharusnya, kisah ini menjadi satu anjakan paradigma untuk dihayati bersama dalam mempertingkatkan mutu pengabdian dan keimanan kepada Allah.

2. Tinjauan Literatur

Perbincangan yang melibatkan surah al-Kahfi ini telah banyak dibahaskan daripada pelbagai aspek perbahasan dan hal ini juga direalisasikan dalam bentuk penulisan-penulisan, pengkajian dan seumpamanya. Berdasarkan perspektif *balaghah* atau retorik, dapat dilihat beberapa kajian yang telah dibangkitkan oleh para ilmuan dan pengkaji berkisarkan kepada surah al-Kahfi, khususnya kisah ashabul kahfi ini.

Al-Hasuni (2016) dalam kajiannya *Alwan al-Badi' fi Surah al-Kahfi Dirasah Balaghiyyah Tahliliyyah* membincangkan aspek keindahan gaya bahasa retorik dalam surah al-Kahfi. Antara

perbincangan gaya bahasa yang menyentuh kisah ashabul kahfi ialah al-jinas menerusi ayat 14 dari surah al-Kahfi. Gaya bahasa ini dapat diperhatikan pada perkataan قاموا (mereka bangun) dan قالوا (mereka berkata) dalam ayat tersebut yang menerangkan keadaan pemuda-pemuda ashabul kahfi bangun dan berkata dengan penuh tetap pendirian. Gambaran ini menampilkan keteguhan hati-hati mereka yang diikat kuat dengan tautan iman sehingga mereka berkata bahawa tuhan kami ialah tuhan yang mencipta dan mentadbirkan langit dan bumi. Ungkapan قاموا (mereka bangun) dan قالوا (mereka berkata) ini menunjukkan ia satu bentuk penegasan dan peneguhan yang lahir dari diri pemuda-pemuda tersebut untuk mempertahankan akidah.

Rayyan et.al (2018) dalam kajiannya *al-I'jaz al-Qasasi fi Surah al-Kahfi* menghuraikan i'jaz al-Quran menerusi skop pengkisahan al-Quran yang berkait dengan kisah-kisah dalam surah al-Kahfi. Menurutnya, kisah ashabul kahfi ialah contoh keimanan dalam diri yang telah dibuktikan oleh al-Quran. Keimanan ini diukirkan pada kisah pemuda-pemuda ashabul kahfi yang beriman dan mereka berlindung di sebuah gua lalu ditidurkan dalam tempoh yang lama tidak diketahui oleh mereka sendiri. Justeru, kisah ini kisah ajaib yang menjadi tanda kekuasaan Allah. Tidurnya pemuda-pemuda ini membawa kepada penghayatan untuk dihayati bersama tentang jangka hayat kehidupan yang dilanjutkan dalam tempoh ratusan adalah mengikut kehendak dan kekuasaan-Nya.

Dalam kajian yang berjudul *Nilai-nilai Pendidikan Islam dalam Kisah Ashabul Kahfi*, Rahmansyah (2020) mengulas lebih lanjut tentang nilai-nilai pendidikan Islam yang tersirat di sebalik kisah ashabul kahfi. Antara nilai yang dinyatakan dalam surah al-Kahfi ialah nilai akidah yang tertera pada ayat 9. Ia berkaitan keimanan yang tidak berbelah bagi terhadap tanda-tanda kekuasaan Allah yang mengutus para pemuda untuk mendiami gua. Ayat 10 pula menjelaskan tentang para pemuda yang meminta perlindungan Allah dengan berdoa kepadaNya untuk memohon rahmat dan petunjuk. Manakala, ayat 11 menerangkan keesaan Allah atas pemuda-pemuda yang ditidurkan selama beratus tahun. Mereka ditidurkan tanpa makan dan minum, tidak mendengar suara-suara yang ada di dalam gua atau di luar gua. Nilai seterusnya yang dapat ditonjolkan ialah tawakal. Perkara ini dapat direnungkan pada ayat 10 yang memperlihatkan usaha perjuangan para pemuda menyelamatkan diri mereka. Nilai ini juga terdapat pada ayat 16 yang menerangkan bagaimana pemuda-pemuda itu berusaha mencari tempat berlindung lalu pasrah kepada Allah atas usaha mereka untuk menyelamatkan diri dan menjadikan Allah sebagai tempat berlindung.

Aminatul Munawwaroh (2021) dalam kajiannya *Inhiraf Ma'ani Siyagh al-Amr fi Surah al-Kahfi wa Tanfizuhu fi Ta'lim al-Balaghah* membincangkan tentang penyelewengan makna-makna perintah dalam surah al-Kahfi dan perlaksanaannya dalam pengajaran ilmu retorik. Antara kupasan ayat yang disentuh dalam kajian ini adalah berkait rapat dengan kisah ashabul kahfi. Menurutnya, ayat 10 daripada surah al-Kahfi menerangkan perihal pemuda-pemuda ashabul kahfi yang berjalan menuju ke gua lalu mereka berdoa dengan mengungkapkan perkataan اتّا (kurniakanlah). Pada asasnya, ungkapan *al-amr* menginterpretasikan maksud perintah namun, pengungkapan perkataan ini bermaksud doa. Ia satu permintaan daripada seseorang (makhluk) kepada suatu kuasa mutlak yang berautoriti (Allah). Oleh yang demikian, ungkapan ini bukan perintah yang ditujukan kepada Allah tetapi berbentuk doa yang diminta untuk diperkenankan.

Rentetan daripada kajian-kajian yang telah dinyatakan, ini menunjukkan bahawa peristiwa tujuh pemuda al-Kahfi ini masih terus dibincangkan hingga kini. Kajian Aminatul Munawwaroh (2021), Rayyan et.al (2018) dan al-Hasuni (2016) ialah kajian yang berfokuskan kepada aspek retorik yang mengungkapkan kepelbagaian gaya bahasa al-Quran secara khusus pada kisah ashabul kahfi. Kajian Rahmansyah (2020) lebih bertumpu kepada nilai-nilai murni yang tersirat di sebalik

kisah ashabul kahfi. Terdapat lomongan aspek retorik yang masih boleh diterokai lagi skop perbicangan secara akademik melibatkan kisah ashabul kahfi ini seperti elemen material, fizikal dan spiritual yang terselit dalam kisah tersebut. Hal ini boleh dirungkaikan lagi menerusi disiplin ilmu retorik yang belum dirungkaikan seperti ilmu bayan, ma'ani, badi' dan lain-lain. Sehubungan itu, kewujudan lomongan yang ada ini memberi ruang kepada penghasilan kajian baru untuk memperhalusi saki-baki kajian terdahulu yang telah dihasilkan.

3. Kaedah Analisis Menurut Ilmu Retorik

Pada dasarnya, analisis yang dilakukan ini berteraskan kepada aspek retorik yang telah digarap oleh tokoh dan sarjana balaghah. Sehubungan itu, aspek analisis merangkumi aspek berikut:

a) Kesesuaian Pemilihan Kosa Kata dalam Pembentukan Ungkapan (Fasahah)

Aspek fasahah merupakan aspek yang amat serius dan penting dalam kesenian ilmu balaghah. Aspek ini berkait dengan unsur-unsur keindahan dalam perkataan dan perkaitan antara dengan makna. Perkara ini amat mendapat perhatian hebat dalam kalangan para sarjana balaghah terutamanya al-Jurjani (471H). Antara contoh yang dikupaskan oleh beliau dalam perkara ini ialah perkataan قيل و قال.

Kedua-dua perkataan tersebut mempunyai nilai makna yang sama sekiranya perkataan tersebut tidak berada dalam ayat. Akan tetapi, apabila ia berada dalam ayat mengikut kepada kondisi dan konteks ayat, ia membawa kepada pemilihan perkataan yang lebih tepat antara kedua-duanya. Hal seumpama ini dapat dilihat menerusi ayat daripada surah Hud:

وَقِيلَ يَا أَرْضُ الْبَلْعَى مَاءَكِ وَيَا سَمَاءَ أَقْلَعَى وَغِيضَ الْمَاءُ وَقُضِيَ الْأَمْرُ وَاسْتَوَتْ عَلَى الْجُودِيِّ وَقِيلَ
بُعْدًا لِلْقَوْمِ الظَّالِمِينَ

Maksudnya: "Dan (setelah binasanya kaum kafir itu) diperintahkan kepada bumi dan langit dengan berkata: Wahai bumi telanlah airmu dan wahai langit berhentilah dari curahan hujanmu. Dan (ketika itu) surutlah air serta terlaksanalah perintah (Allah) itu. Dan bahtera Nuh itupun berhenti di atas Gunung Judi serta diingatkan (kepada kaum kafir umumnya bahawa): Kebinasaanlah akhirnya bagi orang-orang yang zalim". (Hud 11: 44).

Dalam konteks ayat ini, pengungkapan قيل lebih menepati berbanding dengan kerana perkataan itu bersesuaian dengan kehendak ayat. Penggunaan قيل dikatakan lebih sesuai dalam struktur ayat tersebut kerana pelaku, iaitu Allah tidak dapat dilihat dengan pandangan biasa. Justeru, penggunaan kata kerja berbentuk *mabni li al-majhul* dalam ayat lebih tepat diaplิกasikan menurut konteks penggunaan tatabahasa Arab.

Al-Khattabi (1976) turut mengupas serba sedikit berkaitan dengan nazm yang mengungkapkan gambaran yang bersesuaian dengan pemilihan perkataan dan makna untuk membentuk susunan yang sempurna. Hal ini disebabkan sesuatu lafadz yang diungkapkan bukan hanya sekadar lafadz atau makna semata-mata, bahkan dapat memberikan gambaran berkesan kepada pembaca. Hal ini dapat dilihat menerusi surah al-Qiyamah:

لَا تُحِرِّكْ بِهِ لِسَانَكَ إِنْتَعْجَلْ بِهِ إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْءَانَهُ فَإِذَا قَرَأْنَاهُ فَأَنْتَعْجَلْ قُرْآنَهُ ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا بَيَانَهُ

Maksudnya: "Janganlah engkau (wahai Muhammad)-Kerana hendakkan cepat menghafaz Quran yang diturunkan kepadamu-menggerakkan lidahmu membacanya (sebelum selesai dibacakan kepadamu). Sesungguhnya Kami lah yang berkuasa mengumpulkan al-Quran itu (dalam dadamu) dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu). Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut

bacaannya itu. Kemudian, sesungguhnya kepada Kamilah terserah urusan menjelaskan kandungannya (yang memerlukan penjelasan)". (al-Qiyamah 75: 16-19)

Konten daripada ayat tersebut adalah berkenaan dengan larangan ke atas Nabi Muhammad tentang menggerakkan lidah membaca al-Quran dengan cepat sebelum ia habis dibacakan. Ini kerana ia merupakan satu kewajipan untuk menyempurnakan bacaan al-Quran dengan bacaan yang baik. Baginda disifatkan sebagai seorang yang ummi iaitu tidak tahu membaca dan menulis. Maka, apabila turunnya wahyu melalui perantaraan Jibril, baginda mendengar wahyu yang dibacakan dan menggerakkan lidahnya untuk menyebut ayat yang didengarnya.

b) Pengungkapan Sesuatu Makna dengan Memberikan Gambaran (Taswir) Tertentu (Bayan)

i) Isti'arah (metafora)

Dalam kesenian *isti'arah* ini, terdapat beberapa contoh yang telah dibincangkan dan dikupas oleh para sarjana balaghah terdahulu antaranya al-Sakkaki (1987). Beliau memilih ayat dari surah Hud untuk mengupas aspek *isti'arah* yang terserlah dalam ayat tersebut:

وَقِيلَ يَا أَرْضُ ابْنَعِي مَاءَكِ وَيَا سَمَاءَ أَفْلَعِي وَغِيْضَ المَاءِ وَفُضِيَ الْأَمْرُ وَاسْتَوْتُ عَلَى الْجُودِيِّ وَقِيلَ
بُعْدًا لِّلْقَوْمِ الظَّالِمِينَ

Maksudnya: "Dan (setelah binasanya kaum kafir itu) diperintahkan kepada bumi dan langit dengan berkata: Wahai bumi telanlah airmu dan wahai langit berhentilah dari curahan hujanmu. Dan (ketika itu) surutlah air serta terlaksanalah perintah (Allah) itu. Dan bahtera Nuh itupun berhenti di atas gunung Judi serta dilihatkan (kepada kaum kafir umumnya bahawa): Kebinasaanlah akhirnya bagi orang-orang yang zalim" (Hud 11: 44).

Berdasarkan ayat ini, Allah berbicara kepada bumi melalui ungkapan yang berbunyi (wahai bumi). Konsep *isti'arah* digunakan di sini bagi menyerlahkan gambaran berbicara atau bercakap dengan bumi. Kemudian, dipinjamkan perkataan menelan yang menunjukkan proses daya tarikan pada sesuatu yang dimakan apabila ditelan. Seterusnya, perkataan air dan makanan dipinjam menerusi ungkapan *isti'arah bi al-kinayah* kerana terdapat persamaan yang wujud antara kedua-duanya. Air dapat menguatkan bumi untuk menyuburkan lagi tumbuh-tumbuhan sebagaimana makanan dapat menguatkan pemakannya. Oleh itu, petanda bagi isticarah yang zahir terletak pada lafadz *ابْنَعِي* (telanlah) kerana penggunaan lafadz tersebut adalah untuk makanan atau sesuatu yang ditelan bukannya pada air.

c) Kesesuaian Pemilihan Unsur Morfologi dan Sintaksis dalam Pembentukan Ungkapan (Ma'ani)

i) Al-Taqdim wa al-Ta'khir (mendahulukan dan mengakhirkan)

Dalam aspek *ma'ani* pula, pengungkapan sesuatu lafadz dapat diperhalusi dalam usaha merungkaikan keindahan maksud di sebalik lafadz tersebut. Antara aspek keindahan yang dapat diperhatikan ialah *al-taqdim* wa *al-ta'khir* sebagaimana dikupas oleh al-Zamakhshari (1998) dalam surah al-Fatiyah:

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ

Maksudnya: "Engkaulah sahaja (Ya Allah) Yang Kami sembah dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan" (al-Fatiyah 1: 5).

Menerusi ayat tersebut, al-Zamakhshari (1998) menyebut bahawa aspek *al-taqdim wa al-ta'khir* yang tertera ialah pada ungkapan مَافُولٌ (maf'ul). Apabila maf'ul tersebut didahulukan di hadapan ia membawa makna *ikhtisas* (pengkhususan) dan bermaksud bahawa manusia hanya menyembah kepada Allah sahaja dan tidak menyembah selainNya. Begitu juga hanya kepada Allah sahaja manusia meminta pertolongan. Jika dilihat dari sudut yang lain, *al-taqdim* yang berlaku ini bersesuaian dengan konteks susunan perkataan. Sekiranya ayat ini diungkapkan نَعْدِكْ وَنَسْتَعِينُكْ ia tidaklah menyerlahkan keserasian rima pada huruf yang sama di hujungnya iaitu huruf nun. Oleh yang demikian, kewujudan aspek *al-taqdim* ini bukan sekadar membawa kepada pengkhususan semata-mata, malah turut memelihara keserasian lafadz dalam ayat.

ii) **Uslub al-Insha'iyyah**

Pengungkapan sesuatu lafadz atau perkataan menerusi aspek *uslub al-insha'iyyah* amat mempengaruhi maksud yang tersirat di sebalik sesuatu ayat. Gaya bahasa ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu *insha' talabi* dan *ghayr talabi*. Ia mempunyai gaya bahasa tersendiri antaranya *istifham* (pertanyaan) yang dihuraikan oleh al-Jurjani (471H) sepetimana termaktub dalam surah al-Taubah:

أَلَمْ يَأْتِهِمْ نَبِأً الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ قَوْمٌ نُوحٌ وَعَادٍ وَثَمُودٍ وَقَوْمٌ إِبْرَاهِيمَ وَأَصْحَابِ مَدْنَيْنَ وَالْمُؤْتَفَكَاتِ

Maksudnya: "Bukankah telah datang kepada mereka berita orang-orang yang terdahulu daripada mereka iaitu kaum Nuh dan Aad dan Thamud dan kaum Nabi Ibrahim dan penduduk negeri Madyan serta negeri-negeri yang telah dibinasakan?" (al-Taubah 9: 70).

Beliau menyebut bahawa gaya bahasa pertanyaan yang tertera dalam ayat ini ialah berbentuk ketetapan (ثبتات) dan ia menggalakkan diri sendiri supaya mengambil pengajaran daripada ayat tersebut. Pertanyaan yang diajukan dalam ayat ialah satu bentuk pertanyaan berunsurkan ketetapan dan celaan. Ia ditujukan kepada golongan kafir dan munafiq pada zaman Nabi Muhammad dengan menyebutkan kepada mereka kaum-kaum dari kalangan umat terdahulu sebelum mereka yang telah sesat serta kufur ingkar. Kisah-kisah umat terdahulu telah disampaikan kepada golongan kafir dan juga munafiq pada zaman Nabi Muhammad. Justeru, gaya bahasa pertanyaan ini disebut *istifham taqriri* yang ia merujuk kepada penutur yang menyampaikan persoalan yang ditimbulkan itu dengan penuh pengakuan, ketetapan dan pengiktirafan dengan apa yang diketahuinya.

iii) **Al-Tankir (umum/tidak spesifik)**

Beralih kepada *al-tankir* pula, Abadi (2005) menyebut bahawa *al-tankir* atau *nakirah* berasal daripada perkataan نَكَرْ yang bererti samar-samar. رَجُلٌ نَكَرْ bermaksud lelaki yang samar-samar, tidak dikenali. Ibn Manzur (1996) menyebut bahawa *al-tankir* berasal daripada perkataan نَكَرْ yang bererti samar-samar. Manakala نَكَرْ bermaksud mengubah sesuatu kepada yang tidak diketahui.

Abbas (1997) menjelaskan bahawa *al-tankir* merujuk kepada sesuatu yang tidak spesifik atau umum dan fungsinya terserah apabila ia berada dalam sesuatu konteks ayat. Konteks sesuatu ayat menyerlahkan fungsi *al-tankir* bagi sesuatu perkataan dalam ayat.

4. Metodologi

Kajian ini kajian kualitatif bersifat analisis tekstual dengan berteraskan al-Quran sebagai korpus utama dalam mengenal pasti dan menganalisis teks ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan topik. Penelitian difokuskan kepada al-Quran dalam mengenalpasti ayat-ayat berkait rapat dengan kisah *ashabul kahfi* dan ia dikumpulkan menerusi beberapa peringkat. Pertama,

ayat-ayat melibatkan kisah ashabul kahfi dikenalpasti dalam al-Quran dan terdapat surah yang memperincikannya. Ia dapat dilihat menerusi surah al-Kahfi bermula ayat 9 hingga 26. Peringkat kedua ialah mengesahkan kisah tersebut melalui beberapa pengkajian yang telah direalisasikan seperti al-Jaza'iri (2002) Dakhil (2003), al-Majlisi (2007), al-Janbaz (2008) dan Ahmad Farid (2008).

Kemudian, ayat-ayat tersebut diperhalusi pencerahannya dari sudut tafsiran al-Quran bagi melihat perbincangan yang berkaitan. Peringkat seterusnya melibatkan kupasan dari aspek retorik bagi menghuraikan elemen fizikal dan spiritual di sebalik ayat-ayat tersebut. Oleh yang demikian, analisis tersebut bersandarkan kepada ilmu retorik yang disusun oleh al-Jurjani (1991) merangkumi ilmu *ma'ani, bayan* dan *badi'*. Analisis yang disusun ini bergantung kepada beberapa perkara antaranya tatabahasa, kajian linguistik dan sastera. Oleh itu, apabila unsur-unsur ini diperlukan, ia dihuraikan secara bersesuaian mengikut struktur dan kontekstual ayat.

5. Dapatan dan Perbincangan

Hasil penelitian terhadap ayat 9 hingga 26 dari surah al-Kahfi mendapati bahawa terdapat elemen fizikal dan spiritual yang boleh dikaitkan antara satu sama lain. Ini memperlihatkan satu keseimbangan antara kedua-dua elemen di sebalik kisah ashabul kahfi ini. Kupasan aspek retorik berkaitan elemen tersebut boleh dihuraikan dalam ayat-ayat berikut:

i. Ayat 13

نَحْنُ نَفْصُ عَلَيْكَ نَبَأُهُمْ بِالْحَقِّ إِنَّهُمْ فَتَنِيَةٌ أَمْنُوا بِرَبِّهِمْ وَزُدْنَاهُمْ هُدًى

Maksudnya: "Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad) perihal mereka dengan benar; sesungguhnya mereka itu orang-orang muda yang beriman kepada Tuhan mereka, dan kami tambahi mereka dengan hidayah petunjuk". (al-Kahfi 18: 13).

a. Nazm

Ayat al-Quran ini memperlihatkan dua gandingan perkataan yang boleh dibincangkan secara halus elemen fizikal dan spiritual di sebaliknya. Ia merujuk kepada perkataan *fityah* (orang-orang muda) dan *huda* (hidayah petunjuk). Memetik pandangan Ashur (2001), beliau ada menyebut bahawa perkataan *fityah* (orang-orang muda) dalam ayat merujuk kepada pemuda beriman dan soleh. Berteraskan pandangan ini, dapat dinyatakan bahawa pemuda dalam ayat ini ialah para pemuda yang mempunyai kesempurnaan kekuatan fizikal. Kekuatan ini menunjukkan pemuda-pemuda ini memiliki tubuh badan yang sempurna serta kesempurnaan pancaindera. Ini bermakna kesempurnaan jasmani dan pancaindera menggambarkan keperibadian pemuda yang memiliki kewarasan akal fikiran.

Oleh yang demikian, kesempurnaan fizikal yang diperlihatkan ini mengajar pembaca kepada memupuk sifat memanfaatkan kesempurnaan iman menggunakan segala fizikal tubuh badan yang dimiliki. Setiap anggota fizikal manusia dapat memanfaatkan kepada pengabdian dan penghayatan terhadap pengibadatan kepada Allah. Begitulah pemanfaatan fizikal yang dapat dipupuk dan diterapkan dalam diri dalam usaha mencapai kesempurnaan iman yang kental.

Berdasarkan perspektif spiritual pula, hal ini dapat dilihat pada perkataan *huda* (hidayah petunjuk). Ia bukan semata-mata bermaksud hidayah petunjuk sahaja. Malah, gambaran hidayah dan petunjuk dalam ayat ini mencernakan satu nilai pendidikan yang seharusnya disemai pada jiwa anak-anak muda dalam masyarakat. Kekuatan iman yang dicoretkan ini menggambarkan jiwa pemuda yang lazimnya hidup dengan penuh material, kebendaan, hedonisme, kemewahan dan sebagainya tetapi mampu meninggalkan semuanya demi

menggenggam erat kekuatan iman yang terpaut dalam jiwa. Petunjuk ini juga menjadi panduan kepada anak muda masa kini agar menyemai dalam diri sifat cintakan akhirat melebihi cinta kepada dunia. Ia sebagai galakan dan anjakan paradigma untuk berlumba-lumba mengejar kesempurnaan iman.

Kesimpulannya, elemen fizikal dan spiritual yang digariskan menerusi jalinan perkataan *fityah* dan *huda* sebenarnya menghuraikan satu mesej yang cukup positif dan sinonim dalam kehidupan orang-orang beriman untuk diterjemahkan dalam penghayatan hidup. Mesej yang disampaikan dalam ayat ini juga mengajar orang-orang muda supaya memahami perjalanan hidup di usia muda akan sentiasa diuji dengan cabaran, dugaan dan perjalanan hidup yang jauh lebih penuh mencabar dalam usaha mengecapi kekuatan iman yang hakiki.

ii. Ayat 14

وَرَبُّنَا عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ إِذْ قَامُوا فَقَالُوا رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ لَنْ تَدْعُنَّ مِنْ دُونِهِ إِلَّا هُ

Maksudnya: "Dan Kami kuatkan hati mereka (dengan kesabaran dan keberanian), semasa mereka bangun (menegaskan tauhid) lalu berkata: "Tuhan kami ialah Tuhan yang mencipta dan mentadbirkan langit dan bumi; kami tidak sekali-kali akan menyembah Tuhan yang lain daripadanya" (al-Kahfi 18: 14).

a. *Isti'arah*

رَبُّنَا عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ Ayat ini dimulakan dengan gaya bahasa *isti'arah* menerusi ungkapan ayat (Kami kuatkan hati mereka). Ungkapan ini menyerlahkan gambaran estetika berhubungkait kekuatan hati yang diterjemahkan dalam bentuk abstrak kepada abstrak. Ungkapan tersebut pada asalnya bermaksud 'kami ikatkan hati mereka' dan maksud tersebut dinukilkan kepada 'kami kuatkan' membawa kepada pembaca untuk merenungi kekuatan hati para pemuda al-Kahfi yang telah diikat sekutu-kuatnya atau erat dengan tali atau sesuatu yang kuat. Kekuatan yang mengikat hati-hati tersebut ialah kekuatan iman. Kekuatan hati yang terikat ini simbolik kepada kekuatan fizikal jasad tubuh badan kerana hati ialah raja kepada seluruh anggota badan manusia. Inilah elemen spiritual yang ditonjolkan menerusi ungkapan ayat tersebut seperti mana pandangan Jalil (2016) mengatakan hati ialah spiritual iaitu sesuatu yang bersifat halus dan juga bersifat ketuhanan.

Elemen fizikal dapat diperhalusi pada ungkapan قاموا فقلوا (mereka bangun lalu berkata) yang menunjukkan kesinambungan daripada kekuatan hati. Keadaan pemuda-pemuda yang dipaparkan ini menerangkan keadaan mereka yang bangun lalu berkata dengan penuh tekad dan yakin. Dalam hal ini, dua anggota fizikal dapat dilihat iaitu kaki dan mulut. Jika diperhatikan pada ungkapan tersebut, terdapat partikel *Fa'* antara dua kata kerja tersebut yang menjelaskan perbuatan bangun dan berkata ialah dua tindakan refleksi rentetan dari kekuatan hati yang diikat dengan keimanan. Sekiranya partikel *Fa'* digantikan dengan partikel *Wau*, ia menunjukkan dua perbuatan berlaku serantak iaitu bangun dan berkata dalam satu masa. Situasi tersebut tidak menggambarkan kekuatan sebenar pemuda-pemuda al-Kahfi ini. Justifikasi pemilihan partikel *Fa'* dalam ungkapan ayat tersebut merungkaikan tiga kekuatan. Pertama, kekuatan iman. Kedua, kekuatan para pemuda bangun dan ketiga, keupayaan untuk mengungkapkan kebenaran. Sinergi ini membuktikan bahawa kekuatan spiritual ialah tunjang kepada kekuatan fizikal dan kedua-duanya saling memerlukan serta amat bersangkutan.

Keseimbangan yang terserlah ini dapat diamati pada dua elemen. Pertama, elemen spiritual menjelaskan perihal pemuda-pemuda tersebut mempunyai hati yang suci bersih dari sebarang kekotoran akidah dan penyembahan menyeleweng. Kesucian hati ini membentuk kekuatan rohani yang kental serta dihiasi ketebalan iman yang utuh. Jelas bahawa dalam hati para

pemuda al-Kahfi ini tidak terdetik tuhan yang lain melainkan Allah. Kedua, elemen fizikal yang ditorjolkan dalam ayat mencerminkan dua anggota badan iaitu kaki dan mulut. Kedua-dua mencerminkan sahsiah para pemuda tersebut tidak akan sesekali meletakkan kaki ke bumi untuk menyembah berhala dan tidak sesekali mengungkapkan mulut mereka dengan tuhan lain selain Allah. Kesimpulannya, ayat ini memperlihatkan satu keseimbangan elemen fizikal dan juga spiritual iaitu rohani dan jasmani. Unsur spirit dalam diri menjadi kekuatan semangat yang lahir dari lubuk sanubari lalu melonjak fizikal untuk bertindak dengan lebih rasional.

iii. Ayat 15

هُوَ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ لَوْلَا يَأْتُونَ عَلَيْهِمْ بِسُلْطَانٍ بَيْنِ

Maksudnya: "(Mereka berkata pula sesama sendiri): "Kaum kita itu menyembah beberapa tuhan yang lain dari Allah; sepatutnya mereka mengemukakan keterangan yang nyata yang membuktikan ketuhanan makhluk-makhluk yang mereka sembah itu?" (al-Kahfi 18: 15).

a. Al-Taqdim wa Al-Ta'khir

Aspek *al-taqdim* wa *al-ta'khir* ini dapat dilihat pada perkataan (yang lain dari Allah) dan (tuhan). Kedua-dua perkataan ini mempunyai perubahan kedudukan dalam ayat tersebut dan asal kedudukannya ialah perkataan (tuhan) dahulu kemudian disusuli perkataan (yang lain dari Allah). Perubahan kedudukan perkataan ini disebut sebagai *al-taqdim* wa *al-ta'khir* dan ia turut mempengaruhi pemahaman tersirat di sebalik ayat.

Dalam hal ini, perkataan (yang lain dari Allah) didahulukan dalam ayat kerana ia bertujuan menunjukkan gambaran raja dan kaum pada ketika itu lebih taksub terhadap satu penyembahan selain Allah. Sifat taksub tersebut melambangkan kekuatan spiritual mereka yang kuat rentetan daripada penyembahan selain Allah walhal penyembahan dan kepercayaan itu menyimpang dari kebenaran. Sebagaimana dinyatakan oleh al-Janbaz (2008), kerajaan yang memerintah pada ketika itu telah menjadikan berhala-berhala sebagai penyembahan dan kebenaran tidak ada bersama mereka. Justeru, intipati yang dapat diambil ialah kepercayaan dan keyakinan terhadap tuhan yang satu perlu disemaikan dalam diri khususnya orang-orang beriman supaya akidah dan keimanan tidak terpesong. Demikianlah elemen spiritual yang ingin dipaparkan menerusi ayat 15 ini.

b. Nazm

Berdasarkan ayat 15 tersebut, terdapat gandingan kata kerja yang menjadi fokus perbincangan iaitu اتخذوا (mereka menyembah) dan يأتون (mereka mengemukakan). Dua kata kerja berbeza dijalinkan dalam satu ayat iaitu kata kerja *madhi* dan kata kerja *mudhari'*. Secara teorinya, al-Samirra'i (2007) menyatakan bahawa kebanyakkan pakar bahasa menyebut kata kerja dikaitkan dengan perbuatan yang terus dilakukan berulang secara berterusan. Namun, ia melibatkan aspek masa, iaitu perbuatan yang telah berlaku dikaitkan dengan kata kerja *madhi* manakala perbuatan yang sedang dan akan berlaku pula dikaitkan dengan kata kerja *mudhari'*.

Pertama, kata kerja اتخاذوا menerangkan bahawa pemuda ashabul kahfi ini telah hidup pada satu fitnah zaman permintahan yang terpesong akidah dan kepercayaan dari kebenaran. Kaum yang hidup ketika itu telah menjadikan berhala-berhala sebagai penyembahan dalam hidup dan menafikan penyembahan Allah yang Esa. Sedangkan tujuh pemuda tersebut telah mengamalkan penyembahan yang benar iaitu keimanan kepada Allah. Kedua, kata kerja يأتون dikaitkan dengan kemuncak keadaan apabila diminta untuk mengemukakan bukti serta hujah

kebenaran penyembahan berhala yang dilakukan namun, tidak dapat dibuktikan. Oleh itu, jalinan kedua-dua kata kerja tersebut menunjukkan kekuatan fizikal dalam melaksanakan ritual penyembahan berhala secara zahir. Kekuatan tersebut terbantut apabila tidak mempunyai kekuatan hujah bernes mempertahankan amalan penyembahan berhala. Akhirnya, keadaan ini memaksa pemuda *ashabul kahfi* ini meninggalkan kaum mereka yang sesat. Ini menjelaskan bahawa kebenaran tidak dapat dipertahankan atau dibuktikan sekiranya ia bertitik tolak daripada kebatilan dan kesesatan yang nyata.

Kesimpulannya, gaya bahasa *al-taqdim wa al-ta'khir* dan struktur gandingan kata kerja ini membawa kepada pengamatan dan pemurnian dalam diri iaitu penyembahan yang sesat tidak akan memandu diri ke arah kebenaran. Sungguhpun kekuatan spiritual dan fizikal dalam diri kuat terhadap sesuatu akidah, kepercayaan dan perlaksanaan bertentangan seperti ajaran sesat, fahaman sesat dan seumpamanya, kebenarannya tidak akan sesekali muncul kerana hal ini bertunaskan kebatilan dan kesesatan. Hakikat keimanan yang sebenar hanyalah berteraskan sumber keimanan dan kekuatan rohani yang benar. Perkara ini akan mendukung jasmani serta fizikal penganutnya kepada kebenaran yang nyata.

iv. Ayat 16

وَإِذَا اعْتَرَلُّمُوْهُمْ وَمَا يَعْنِدُوْنَ إِلَّا اللَّهُ فَأُوْلَئِي الْكَهْفِ يَسْتَرُّ لَكُمْ رَبُّكُمْ مَنْ رَبُّكُمْ وَيُبَيِّنُ لَكُمْ مَنْ مِنْ أَمْرِكُمْ مِرْفَقًا

Maksudnya: "Dan oleh sebab kamu telah mengasingkan diri dari mereka dan dari apa yang mereka sembah yang lain dari Allah, maka pergilah kamu berlindung di gua itu, supaya Tuhan kamu melimpahkan dari rahmatnya kepada kamu, dan menyediakan kemudahan-kemudahan untuk (menjayakan) urusan kamu dengan memberikan bantuan yang berguna" (*al-Kahfi* 18: 16).

a. *al-Insya' al-Talabi*

Berpandukan ayat di atas, terdapat satu gaya bahasa yang menyerlahkan lagi elemen spiritual dalam ayat iaitu *al-insya' al-talabi*. Abbas (1997) menyebut bahawa gaya bahasa *al-insya' al-talabi* terdiri daripada lima unsur gaya bahasa dan antaranya gaya bahasa *al-amr* (perintah). Gaya bahasa *al-amr* ini pada asasnya ialah satu perintah berbentuk autoriti.

Dalam hal ini, gaya bahasa *al-amr* tersebut dapat dilihat pada perkataan أَوْلَا (pergilah kamu) dalam ayat. Namun, gaya bahasa tersebut tidak menginterpretasikan maksud perintah atau arahan. Sebaliknya, ia membawa maksud lain iaitu *al-irsyad* (petunjuk) sebagaimana disebut oleh al-Hashimi (2008) bahawa salah satu daripada makna gaya bahasa *al-amr* ialah *al-irsyad* (petunjuk). Oleh yang demikian, perkataan أَوْلَا (pergilah kamu) dalam konteks ayat 16 ini sebenarnya menerangkan ia satu petunjuk yang diberikan oleh Allah kepada para pemuda *al-Kahfi* tersebut. Ayat tersebut seolah-olah ada satu suara bisikan yang menusuk ke hati dan menggerakkan mereka untuk pergi ke gua untuk mencari tempat perlindungan. Sehubungan itu, konsep spiritual yang diterjemahkan melalui gaya bahasa perintah ini membawa pembaca kepada menghayati erti jiwa yang suci nurani dan terpelihara daripada palitan kekufturan serta pendustaan tuhan. Hati ialah raja segala anggota badan dan memiliki hati yang suci murni ialah satu anugerah dari Allah kepada hamba-hamba-Nya yang terpilih.

Ini kerana hati yang bersih dari tompokan hitam kekotoran dan kekufturan tidak akan sesekali mendustakan Allah. Hikmah di sebalik peristiwa yang berlaku pada pemuda-pemuda *al-Kahfi* ini mengajar manusia dan pembaca sekalian kepada usaha menyucikan sekeping hati dan mendidik hati supaya berusaha mencari petunjuk kebenaran yang direh dai. Hati yang suci akan

sentiasa diberikan kekuatan rohani dan spiritual yang mampu menyelamatkan diri sendiri daripada terjebak ke lembah pendustaan serta mensyirikkan Allah.

b. Pemilihan perkataan

Aspek pemilihan perkataan yang menjadi fokus dalam ayat ini merujuk kepada perkataan *al-kahfi* (gua). Ungkapan daripada ayat 16 ini menyebut "maka pergilah kamu berlindung di gua itu". Perkataan gua dalam struktur ayat ini menjadi simbolik kepada aspek fizikal terhadap situasi yang berlaku kepada pemuda-pemuda tersebut.

Terdapat beberapa faktor yang boleh kira sebagai asbab kepada pemilihan gua ini. Pertama, keadaan fizikal gua tersebut yang mampu menjadi tempat perlindungan sementara bagi pemuda-pemuda al-Kahfi tersebut. Rupa bentuk tanah dalam gua yang agak terbentang, luaran gua adalah tertutup dan tiada kawasan berlubang serta pintu masuk gua yang tidak begitu besar membolehkan ketujuh-tujuh pemuda berselindung di dalamnya dengan selamat. Ini turut dinyatakan dalam ayat 17 daripada surah al-Kahfi:

وَهُمْ فِي فَجْوَةٍ مِّنْهُ

Maksudnya: "Sedang mereka berada dalam satu lapangan gua itu" (al-Kahfi 18: 17).

Kedua, dari perspektif keselamatan pula dapat dilihat fungsi anjing yang ada bersama ketujuh-tujuh pemuda tersebut. Keberadaan anjing di luar gua, iaitu di hadapan pintu gua menjadikan keselamatan para pemuda itu terjamin daripada ancaman atau serangan sesiapa sahaja yang melalui kawasan gua tersebut. Hikmah kewujudan anjing di hadapan pintu gua ini secara teorinya berperanan sebagai penjaga pintu gua. Seolah-olah anjing itu berkomunikasi untuk mengawasi keselemanan tuannya. Praktikalnya, ia memberi kesan kepada sesiapa sahaja yang melalui kawasan gua kerana nampak seperti seolah-olah anjing itu marah atau berang apabila kawasannya diganggu. Lantas, ia menimbulkan rasa ketakutan kepada sesiapa yang berada di kawasan gua dan perkara ini dijelaskan dalam ayat 18:

وَكُلُّهُمْ بَاسِطُ ذَرَاعِيهِ بِالوَصِيدِ لَوْ اطَّلَعْتَ عَلَيْهِمْ لَوْ نَيْتَ مِنْهُمْ فِرَارًا وَلَمْلِنْتَ مِنْهُمْ رُعْبًا

Maksudnya: "Sedang anjing mereka menghulurkan dua kaki depannya dekat pintu gua; jika engkau melihat mereka, tentulah engkau akan berpaling melarikan diri dari mereka, dan tentulah engkau akan merasa sepenuh-penuh gerun takut kepada mereka" (al-Kahfi 18: 18).

Kesimpulannya, hubungkait elemen fizikal dan spiritual dalam ayat 16 ini menunjukkan kekuatan fizikal sesuatu kawasan dan juga kekuatan petunjuk yang disematkan dalam diri para pemuda tersebut. Kekuatan yang diserahkan ini ialah perancangan strategik Allah yang licik untuk memelihara hamba-hamba-Nya yang kental hati dan jiwanya dalam memelihara iman.

v. Ayat 19

وَكَذِلِكَ بَعَثْنَاهُمْ لِيَسْأَلُوا بَيْنَهُمْ قَالَ قَائِلٌ مِّنْهُمْ كَمْ لَبِثْنَا قَالُوا لَبِثْنَا يَوْمًا أَوْ بَعْضَ يَوْمٍ قَالُوا رَبُّكُمْ أَعْلَمُ بِمَا لَبِثْنَا فَأَبْعَثْنَا أَحَدَكُمْ بِرَقْكُمْ هَذِهِ إِلَى الْمَدِينَةِ

Maksudnya: "Dan demikianlah pula Kami bangkitkan mereka (dari tidurnya), supaya mereka bertanya -tanyaan sesama sendiri. Salah seorang di antaranya bertanya: "Berapa lama kamu tidur? (Sebahagian dari) mereka menjawab: "Kita telah tidur selama sehari atau sebahagian dari sehari". (Sebahagian lagi dari) mereka berkata: "Tuhan kamu lebih mengetahui tentang lamanya kamu tidur; sekarang utuslah salah seorang daripada kamu membawa wang perak kamu ke bandar" (al-Kahfi 18: 19).

a. Al-Tankir

Dalam ayat ini, elemen dapat diperhalusi *al-tankir* pada perkataan ﻗائل (salah seorang bertanya). Perkataan ini ditampilkan kepada bentuk *al-tankir* atau *nakirah* dalam ayat membawa maksud umum. Umum yang dimaksudkan dalam konteks ayat merujuk kepada salah seorang pemuda daripada pemuda-pemuda al-Kahfi tersebut dan tidak dispesifikan siapa pemuda itu. Justeru, apa yang ingin dinyatakan dari sudut situasi yang berlaku antara sesama pemuda tersebut ialah keadaan fizikal mereka yang bangun setelah ditidurkan selama 309 tahun.

Keadaan fizikal dan rupa paras mereka jauh sama sekali dalam tidak berubah. Mereka tidak tua dan kulit mereka juga tidak reput serta warna rambut tidak berubah. Hal ini dijelaskan oleh Ibn Kathir (1998) bahawa mereka dibangunkan dalam keadaan yang sihat tubuh badan, rambut dan penglihatan tidak hilang selepas 309 tahun. Hakikatnya, situasi yang dinukilkan ini mengajar manusia bahawa kekuatan fizikal tubuh badan datang dari Allah. Segala kesihatan, sakit dan sebagainya datang dari Allah dan manusia tidak sesekali mampu untuk mencipta dan mengawal kecantikan serta kesihatan rupa paras fizikal. Dengan teknologi kecanggihan yang ada pada era kontemporari ini, tiada teknologi dan produk kesihatan dapat menjadikan rupa paras dan fizikal manusia kekal dalam tempoh masa yang lama atau bersifat anti penuaan seperti mana digambarkan dalam peristiwa pemuda al-Kahfi ini.

b. Al-Istifham

Beralih kepada perspektif spiritual, ia dapat diperhatikan pada jawapan para pemuda tersebut terhadap persoalan yang diajukan menerusi ungkapan كم لبّوا (Berapa lama kamu tidur). Maka, jawapan yang dikemukakan oleh mereka dalam ayat 19 ini menggambarkan keyakinan dalam diri pemuda-pemuda tersebut. Nilai keyakinan yang ditayangkan ini melambangkan kekuatan akidah yang kukuh tersemat dalam diri.

Keyakinan yang utuh ini lahir daripada hati nurani dan akal pemikiran tajam dalam diri para pemuda tersebut. Keyakinan dan akal pemikiran tajam dapat dilihat pada jawapan yang diungkapkan oleh sesama para pemuda tersebut. Ini mengajar manusia dan para pembaca kepada menghayati dan mempraktikkan sikap positif yang ditonjolkan para pemuda al-Kahfi. Pertama, sikap positif ini mengajar manusia supaya berfikir secara waras dan rasional sebelum mengeluarkan hujah dan kata-kata. Kedua, sikap positif ini mengajar supaya menanamkan rasa keyakinan diri ketika mengeluarkan hujah dan kata-kata. Kata-kata positif yang diungkapkan simbolik kepada ketajaman akal dan minda manusia.

Kesimpulannya, jalinan elemen fizikal dan spiritual pada ayat 19 ini menyerlahkan keseimbangan yang membentuk kualiti kehidupan yang perlu diterapkan dalam diri. Fizikal yang ditampilkan pada ayat ini berbentuk kesihatan fizikal manakala spiritual yang dipamerkan pula berupa keyakinan diri dan ketajaman akal pemikiran. Gabungan dua elemen ini membentuk kehidupan yang sihat dan berkualiti untuk menjalankan kehidupan dan ibadah kepadaNya.

6. Kesimpulan

Dalam perbincangan terhadap ayat-ayat dari surah al-Kahfi yang telah diketengahkan, dapat diperhatikan elemen-elemen fizikal dan spiritual yang terungkai di sebalik ayat tersebut. Kedua-dua elemen ini saling berkait antara satu sama lain dalam menyampaikan isi kandungan mesej untuk direnungi dan dihayati bersama.

Natijahnya, dapat difahami kisah pemuda al-Kahfi ini bukanlah satu kisah dongeng atau mitos semata-mata. Bahkan, ia juga bukan hasil tulisan karyawan yang direka oleh manusia atau mana-mana pihak seumpama denganannya. Hakikatnya, peristiwa *ashabul kahfi* ini membuktikan satu kebenaran yang dijanjikan kepada manusia di alam ini tentang kehidupan semula yang dibangkitkan iaitu akhirat. Setiap yang bernyawa pasti mati dan perjalanan kehidupan selepas itu akan bersilih ganti dengan perjalanan hidup yang jauh lebih baru hingga kebangkitan satu hari yang dijanjikan iaitu alam akhirat. Berbekalkan kekuatan fizikal, rohani, jasmani, akal dan intelek ketika hidup di dunia ini menjadi bekalan kepada perjalanan ke alam yang seterusnya.

Sehubungan itu, input yang diperoleh dari perbahasan terhadap ayat-ayat berkaitan kisah *ashabul kahfi* ini meliputi aspek kesempurnaan fizikal dan iman dalam kehidupan, keyakinan diri dalam kebenaran, kekuatan fizikal terhadap amalan ritual ibadah, kekuatan aspek keselamatan fizikal dan kekuatan kualiti kehidupan. Semua aspek yang dinyatakan ini tuntasnya berhubung kait dengan kekuatan aspek fizikal dan spiritual yang telah dirakamkan dalam ayat-ayat dari surah al-Kahfi tersebut. Dengan ada pencerahan ini, semoga ia menjadi satu pedoman dan anjakan paradigma dalam diri untuk meningkatkan kualiti mutu kehidupan di dunia sebagai bekalan untuk perjalanan akhirat sana.

Penghargaan

Penulis ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan perbincangan ini serta menilai dan memberikan penambahbaikan terhadap isi kandungan perbincangan. Diharapkan ilmu dan maklumat yang terhasil ini dapat menyumbang kepada percambahan idea serta informasi baru dalam menerokai ilmu bahasa Arab kepada pembaca dan penyelidik yang lain.

Rujukan

Al-Quran Al-Karim

Abadi, M. D. M. F. (2005). *al-Qamus al-Muhit*. Bayrut: Dar al-Jil.

Ahmad Farid. (2008). *Taisir al-Mannan fi Qasas al-Quran*. Dar Ibn al-Jauzi.


Aminatul Munawwaroh. (2021). *Inhiraf Ma'ani Siyagh al-Amr fi Surah al-Kahfi wa Tanfizuha fi Ta'lîm al-Balaghah*. Tesis sarjana. Qism Ta'lîm al-Lughah al-Arabiyyah, Kulliyyah al-Tarbiyyah wa al-Ulum al-Ta'lîmiyyah, al-Jami'ah al-Islamiyyah al-Hukumiyyah Ponorogo.

Abbas, F. H. (1997). *al-Balaghah Fununuha wa Afnanuha*. Irbid: Dar al-Furqan.

Dakhil, A. M. A. (2003). *Qasas al-Quran al-Karim*. Beirut: Dar al-Murtadha.

Al-Hasuni, S. S. S. (2016). *Alwan al-Badi' fi Surah al-Kahfi Dirasah Balaghiyyah Tahliliyyah*. Tesis Sarjana. Qism al-Lughah al-Arabiyyah, Kulliyyah al- Adab wa al-'Ulum, Jami'ah al-Sharq al-Ausat.

- Al-Hashimi, S. A. (2008). *Jawahir al-Balaghah*. Beirut: Mu'assasah al-A'la.
- Ibn Kathir, al-Hafiz Imad al-Din Abi al-Fida' Ismail bin Umar. (1998). *Tafsir al-Quran al-Azim*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Jalil, M. H, Zakaria S., Raudhah A. S. (2016). Konsep Hati Menurut al-Ghazali. *Jurnal Reflektika* 11(11): 59-71.
- Al-Janbaz, M. M. (2008). *Qasas al-Quran al-Karim fi Sirah Sayyid al-Mursalin*. al-Mamlakah al-Arabiyyah al-Sa'udiyyah: Maktabah al-Taubah.
- Al-Jurjani, Abu Bakar Abd al-Qahir bin Abd al-Rahman bin Muhammad (471H). (2004). *Dala'il al-I'jaz*. Qaherah: Maktabah al-Khaniji.
- Al-Jurjani, Abu Bakar Abd al-Qahir bin Abd al-Rahman bin Muhammad (471H). (1991). *Asrar al-Balaghah*. Qaherah: Maktabah al-Khaniji.
- Al-Jaza'iri, S. N. (2002). *al-Nur al-Mubin fi Qasas al-Anbia' wa al-Mursalin*. Beirut: Mu'assasah al-A'lami li al-Matbu'at.
- Al-Khattabi, A. S. H. M. I., (1976) . *Bayan I'jaz al-Qur'an*. Misr: Dar al-Ma'arif.
- Al-Majlisi. (2007). *Qasas al-Anbia'*. Beirut: Dar al-Mahajjah al-Baidha.
- Ashur, Q. (2001). *Alf Su'al wa Jawab fi al-Quran al-Karim*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Rayyan A. A. B, Saad Y. M. H., Fatimah A. B. M. I., Nahlah A. A. A. (2018). *al-I'jaz al-Qasasi fi Surah al-Kahfi*. Tesis Sarjana Muda. Kulliyyah al-Tarbiyyah, Qism al-Lughah al-Arabiyyah, Jami'ah al-Sudan li al-Ulum al-Tiknologiyya.
- Rahmansyah. (2020). Nilai-Nilai Pendidikan Islam Dalam Kisah Ashabul Kahfi. Tesis Sarjana. Studi Pendidikan Islam. Universitas Islam Negeri Sumatera Utara Medan.
- Al-Sakkaki, A. Y. Y. A. B. M. A. (1987). *Miftah al-Ulum*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Samirra'i, F. S. (2007). *Ma'ani al-Abniyyah fi al-Arabiyyah*. Dar Umar.
- Al-Zamakhshari, A. Q. M. U. (1998). *al-Kashaf*. al-Riyad: Maktabah al-'Abikan.



9 772682 784004

ISSN: : 1985-5079



Cawangan Kedah
Kampus Sungai Petani